

# Pelajar sekolah agama, pondok disaran kuasai kemahiran digital

**Bentong:** Pelajar sekolah agama dan pondok perlu menguasai ilmu baharu termasuk kemahiran digital untuk dijadikan benteng kekuatan umat Islam di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penguasaan ilmu itu penting sejajar dengan perubahan dan cabaran semasa.

Menurutnya, penambahbaikan itu pula bukan bermakna sistem pendidikan dilaksanakan di sekolah agama atau pondok selama ini perlu dirombak.

Sebaliknya kata beliau, usaha dilakukan sebagai langkah memperluaskan penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar sekolah agama dan pondok.

“Dunia kini terancam dengan penguasaan digital, kecerdasan buatan (AI), komputer dan kita semua perlu menguasai kemahiran ilmu baharu itu.

“Kalau nak lawan sebagai benteng ialah menerusi iman akhlak, ilmu dan penguasaan tek-

nologi baharunya,” katanya berucap di Majlis Ramah Mesra Bersama Pelajar Sekolah Tahfiz Negeri Pahang di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Dr Zulkifli Hasan dan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Anwar berkata, selain penguasaan ilmu baharu itu beliau mahu sekolah agama dan pondok turut menguasai bahasa Melayu dan Sejarah.

Sementara itu, berucap pada majlis ramah mesra bersama masyarakat Tionghua di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJ-KC) Perting, Anwar meminta rakyat menghentikan pertelingkahan berpanjangan antara kaum berkaitan isu bahasa dan kembali menumpukan usaha membina masa depan

anak-anak yang lebih berdaya saing serta bersatu padu.

Beliau berkata, pendekatan pendidikan pelbagai bahasa yang dilaksanakan kerajaan tidak bertujuan menafikan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, sebaliknya bagi memperkukuh perpaduan nasional serta menyediakan peluang saksama kepada semua murid untuk menguasai pelbagai bahasa.

Malah katanya, kerajaan menggalakkan penguasaan bahasa lain selain bahasa Melayu kerana ia adalah aset penting menghadapi cabaran global dan meningkatkan daya saing generasi muda, tanpa menjejaskan asas identiti nasional.

“Kita tidak mahu lagi pertelingkahan antara kaum yang tidak berkesudahan dalam soal bahasa. Keutamaan kita adalah meningkatkan mutu kehidupan dan menjamin masa depan anak-anak kita,” katanya.



Anwar beramah mesra dengan pelajar tahfiz di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Bentong, semalam. (Foto BERNAMA)